



Anwar bersama pemimpin Komuniti Pelepasan Sifar Asia (AZEC) di Pejabat Perdana Menteri Jepun, Tokyo semalam..

(Foto BERNAMA)

PM yakin komitmen Jepun berkait iklim, kecekapan tenaga

AZEC platform berfaedah dalam jangka panjang terutama di rantau ASEAN

Daripada Hazween Hassan

di Tokyo



Malaysia menyifatkan inisiatif tenaga dalam Komuniti Pelepasan Sifar Asia (AZEC) Jepun sebagai langkah penting untuk memperkasa kerjasama yang saling memberi faedah kepada wilayah di rantau ini.

Memuji usaha Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida, dalam inisiatif itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin kepada komitmen Jepun terhadap tindakannya berkaitan iklim dan kecekapan tenaga.

Beliau berucap pada pertemuan bersama pemimpin ASEAN dan Jepun pada hari terakhir Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun semalam.

Anwar berkata, peranan Jepun adalah penting sebagai pemudah cara dan platform berterusan dalam aspek peralihan tenaga, terutamanya dalam kalangan negara rantau ini.

"Malaysia optimis bahawa AZEC akan bertindak sebagai platform jangka panjang yang saling memberi faedah dalam peralihan tenaga terutama di rantau

kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia komited kepada penyelesaian praktikal yang mendorong kepada kemajuan, menitikberatkan keseimbangan antara sasaran kepada iklim, kelestarian dan pertumbuhan ekonomi dalam menangani isu tenaga.

AZEC ialah platform kerjasama yang bertujuan memajukan usaha keneutralan karbon dan peralihan tenaga untuk mencapai sasaran pelepasan sifar.

Jepun komited untuk menyediakan sokongan kewangan sehingga AS\$8 bilion bagi tempoh sehingga 2030 untuk projek tenaga boleh baharu serta inisiatif penjimatan tenaga di negara anggota AZEC.

Negara AZEC termasuk Australia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Jepun, Laos, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Malaysia akan terus bergerak kepada penyelesaian praktikal yang mendorong kemajuan, menyeimbangkan sasaran iklim, kelestarian dan pertumbuhan ekonomi ketika kita menangani trilema tenaga.

"Kerajaan (di bawah pentadbiran) saya pada Ogos telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Malaysia, yang mengambil daripada, antara lain, inisiatif AZEC," katanya.

Anwar berkata, Malaysia menekankan kepentingan model kerjasama dan kolaborasi yang progresif dalam aspek itu yang menekankan prinsip keadilan, inklusif dan ekuiti dalam peralihan tenaga.

Beliau berkata, usaha menangani cabaran dan meraih peluang dalam tenaga bersih, di samping memastikan 'peralihan yang saksama', memerlukan sokongan menyeluruh terutama

membabitkan pembiayaan, insentif, teknologi dan infrastruktur.

"Oleh itu, Malaysia akan mengalu-alukan sokongan dan kerjasama berterusan dari Jepun, Australia dan lain-lain memandangkan kita berusaha untuk mempercepat perjalanan peralihan tenaga kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia, dengan sendiri, akan terus mengutamakan penyelesaian praktikal yang memacu kemajuan, mengimbangi cita-cita berkaitan iklim, kelestarian dan pertumbuhan ekonomi.

Anwar turut memuji Kishida atas inisiatif AZEC.

Jepun sedia bantu ASEAN

Sementara itu, Kishida ketika menyampaikan ucapan perasmian di sidang kemuncak itu berkata, Jepun bersedia membantu ASEAN merealisasikan pelepasan sifar melalui pelbagai usaha.

Penyahkarbonan yang hadir dengan pelbagai cabaran dan inovasi adalah faktor utama untuk Jepun bersedia meneraju usaha itu, katanya.

Beliau berkata, Dasar Asas Transformasi Hijau (GX) Jepun menetapkan pengawalseliaan, pembiayaan dan keutamaan pembangunan teknologi untuk transformasi hijau pelbagai sektor perindustrian, dengan tonggak utama dasar terbabit adalah sokongan untuk peralihan tenaga di Asia.

Kishida berkata, berlandaskan dasar yang dilancarkan pada 2022 itu, lebih 350 projek dilancarkan di negara rakan AZEC dengan kerjasama daripada pelabur Jepun.

Beliau yakin bahawa pasaran penyahkarbonan akan menarik modal dari seluruh dunia walaupun penyahkarbonan AZEC membabitkan kos yang tinggi.